

10 SEP 1998

SALOMON-LANGKAH

SALOMON YAKIN MALAYSIA AKAN BERJAYA KUKUHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Langkah-langkah tegas yang dilaksanakan Malaysia akan berjaya memperkukuhkan ekonomi negara, kata Pengerusi Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Bersama firma perkhidmatan kewangan Salomon Smith Barney, Deryck Maughan, hari ini.

Beliau berkata: "Saya yakin Malaysia boleh mencatat lebih akaun semasa yang besar tahun ini dan tahun depan, dan Malaysia mempunyai hutang yang rendah bila dilihat dari sebarang segi piawai antarabangsa."

Salomon Smith Barney hari ini dilantik sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan dalam penyusunan dan permodalan semula sektor perbankan Malaysia. Perlantikan itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu sidang akhbar di sini.

"Kami gembira dapat bekerja dengan Malaysia," kata Maughan dan menambah bahawa Malaysia mempunyai keupayaan untuk mendapatkan pinjaman asing.

Beliau berkata tidak lama lagi, Salomon Smith Barney akan mengeluarkan laporan lengkap mengenai Malaysia kepada semua para pelaburnya dan juga bercadang untuk memberi taklimat kepada lebih 100 pelabur di Eropah dan Amerika syarikat.

Beliau berkata program pengumpulan dana yang mungkin akan termauk penerbitan bon kerajaan, akan disasarkan kepada pelabur-pelabur utama dan tidak tertumpu kepada satu pasaran sahaja.

Maughan juga menegaskan bahawa dana itu akan digunakan untuk penyusunan dan permodalan semula bank-bank Malaysia.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas mengenai jumlah modal yang akan dikumpul dari sumber-sumber luar negara.

Apabila ditanya sama ada Salomon Smith Barney akan membeli bon-bon yang tidak dilanggan oleh para pelabur, beliau berkata: "Kami akan mengadakan penanggung jamin tradisi, dan untuk memaksimumkan permintaan bon-bon Malaysia, kami akan membantu bon-bon berkenaan di pasaran sekunder."

Bagaimanapun, beliau berkata, adalah terlalu awal untuk mengatakan bila terbitan bon Malaysia akan dibuat. Ia akan dibuat sebaik sahaja keadaan mengizinkan, tambahnya.

Mengenai penurunan penarafan yang dibuat oleh agensi-agensi asing terhadap Malaysia, beliau berkata: "Kami akan mempunyai laporan penarafan kami sendiri dan kami memiliki analisis kredit sendiri."

-- BERNAMA

AA JR MA